



## **IBU PEJABAT JPS MALAYSIA**



### **SURAT PEKELILING JPS Bil 6/2008 (Pindaan kepada SP JPS Bil. 3/2004)**

#### **PINDAAN KEPADA GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA SECARA SEBUTHARGA**

##### **1.0 TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk membuat pindaan terhadap Garis Panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga yang telah dikuatkuasakan melalui Surat Pekeliling JPS Bil. 3/2004.

##### **2.0 LATAR BELAKANG**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 berkenaan Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender. Memandangkan Surat Pekeliling JPS Bil. 3/2004 telah dirangka berpandukan kepada SPP Bil 2 Tahun 1995 yang telah dibatalkan oleh SPP Bil 5 Tahun 2007 tersebut, maka beberapa pindaan dan pembatalan perlu dibuat terhadap Garis Panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga JPS.

Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Arahan Perbendaharaan (AP) baru bertarikh 31 Julai 2008 bagi membatalkan AP sebelum ini yang telah digunakan sejak tahun 1997.

### 3.0 PINDAAN/PEMBATALAN

Perkara-perkara yang dibuat pindaan atau pembatalan adalah seperti berikut:-

- i) Tempoh sebutharga dihuraikan dengan lebih jelas iaitu hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh dokumen mula dijual atau tarikh lawatan tapak; yang mana terkemudian.
- ii) Penggunaan Bon Pelaksanaan adalah dibatalkan kerana Bon Pelaksanaan tidak lagi diperlukan bagi kerja-kerja bernilai di bawah RM200,000.00.
- iii) Perubahan pada nilai liputan Insurans Tanggungan Awam berdasarkan kepada nilai kerja iaitu nilai minimum hendaklah sebanyak RM25,000.00 bagi setiap kemalangan untuk kerja di bawah RM100,000.00. Bagi kerja di antara RM100,000.00 hingga RM200,000.00, nilai minimum hendaklah sebanyak RM50,000.00 bagi setiap kemalangan.
- iv) Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan setelah tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan, tindakan undang-undang dan pengesyoran untuk disenaraihitam oleh Pusat Khidmat Kontraktor bolehlah diambil oleh Pegawai Inden.

Berdasarkan kepada pindaan/pembatalan tersebut di atas, berikut adalah perubahan kepada Garis Panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga JPS.

### **3.1 Garis panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga**

#### **i) Mukasurat 1**

##### **Para 1.0 Tatacara Mempelawa Sebutharga**

Para 1.7 dipinda dengan ayat di bawah:-

*“Tempoh Sebutharga hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh dokumen mula dijual atau tarikh lawatan tapak; yang mana terkemudian.”*

#### **ii) Mukasurat 2**

##### **Para 2.0 Dokumen Sebutharga**

a) Para 2.1 (viii) Format Borang Jaminan Bank/Insurans/Syarikat Kewangan untuk Bon Pelaksanaan adalah dibatalkan kerana Bon Pelaksanaan tidak lagi diperlukan bagi kerja-kerja bernilai di bawah RM200,000.00.

b) Para 2.3.3 dipinda dengan ayat seperti dibawah:-

*“Bagi menentukan kadar bayaran dokumen Sebutharga, kadar hendaklah seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa atau melalui pengiraan yang dibuat berpandukan kadar yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2007 iaitu:–“*

#### **iii) Mukasurat 6**

##### **Para 10.0 Bon Pelaksanaan, Insurans dan PERKESO**

Perkataan “Bon Pelaksanaan” pada tajuk klausa ini dan para 10.1 (i) dibatalkan. Dengan ini, para 10.1 (ii) dan 10.1 (iii) dipinda menjadi para 10.1 (i) dan 10.1 (ii). Para 10.1 (i) yang baru ini pula adalah dipinda seperti di bawah:-

*“Insurans Tanggungan Awam atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk Tempoh Liabiliti Kecacatan. Nilai minimum hendaklah sebanyak RM25,000.00 bagi setiap kemalangan untuk kerja di bawah RM100,000.00. Bagi kerja diantara RM100,000.00 hingga RM200,000.00, nilai minimum hendaklah sebanyak RM50,000.00 bagi setiap kemalangan.”*

Para 10.2 ditambah dengan ayat berikut:-

*“Walaubagaimanapun, Kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan sekiranya terdapat sebarang tuntutan atas sebab kemalangan oleh mana-mana pihak.”*

### **Para 11.0 Bayaran Kerja**

Keseluruhan Para 11.2 mengenai Wang Jaminan Pelaksanaan adalah dibatalkan.

#### **iv) Mukasurat 7**

### **Para 15.0 Tempoh Liabiliti Kecacatan**

Para 15.3 digantikan dengan ayat berikut:-

*“Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki semua kecacatan, ketidak sempurnaan dan kerosakan setelah tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan, tindakan undang-undang dan pengesyoran untuk disenaraihitam oleh Pusat Khidmat Kontraktor bolehlah diambil oleh Pegawai Inden.”*

## **3.2 Lampiran B – Format Dokumen Sebutharga**

#### **i) Mukasurat C/1**

### **Dokumen C – Syarat-syarat Sebutharga Para 2.0**

Tajuk klausa 2.0 ini iaitu “*Bon Pelaksanaan/ Insurans*” digantikan dengan “*Insurans dan PERKESO*” dan para 2.1 (i) dibatalkan. Dengan ini, para 2.1 (ii) dan (iii) dipinda menjadi para 2.1 (i) dan (ii). Para 2.1 (i) yang baru dipinda seperti di bawah:-

*“Insurans Tanggungan Awam atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk Tempoh Liabiliti Kecacatan. Nilai minimum hendaklah sebanyak RM25,000.00 bagi setiap kemalangan untuk kerja di bawah RM100,000.00. Bagi kerja diantara RM100,000.00 hingga RM200,000.00, nilai minimum hendaklah sebanyak RM50,000.00 bagi setiap kemalangan.”*

Para 2.2 ditambah dengan ayat berikut:-

*“Walaubagaimanapun, Kontraktor hendaklah menanggung rugi Kerajaan sekiranya terdapat sebarang tuntutan atas sebab kemalangan oleh mana-mana pihak.”*

**ii) Mukasurat G1-G2**

**Dokumen G – Borang Gerenti Untuk Bon Pelaksanaan**

Keseluruhan dokumen ini dibatalkan.

**3.3 Lampiran E – Pengeluaran Inden dan Surat Pemberitahuan**

**i) Mukasurat 1 Lampiran E2 – Pemberitahuan Penerimaan Sebutharga**

Para 3 (a) dibatalkan. Dengan ini, para 3 (b) dan (c) dipinda menjadi para 3 (a) dan (b).

**4.0 KUATKUASA**

Garis Panduan Perolehan Kerja Secara Sebutharga JPS yang baru adalah seperti yang dilampirkan bersama. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan terpakai bagi perolehan kerja sahaja.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CINTAILAH SUNGAI KITA”**

**(DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)**  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Malaysia.

11 November 2008